

15/09/2000

Cara Dr M boleh perkukuh parti: Najib

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Najib Tun Razak yakin Perdana Menteri dapat mengukuhkan Umno serta mengembalikan sokongan rakyat berikutan keputusannya untuk memberi tumpuan terhadap parti manakala timbalannya diberi lebih banyak tanggungjawab dalam kerajaan.

Naib Presiden Umno itu berkata, melalui cara itu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempunyai lebih banyak peluang untuk berjumpa pelbagai kelompok masyarakat.

"Saya mengalu-alukan tindakan Perdana Menteri kerana saya percaya itu adalah satu perkara yang beliau akan laksanakan, iaitu untuk mengukuhkan parti.

"Bahkan selepas pilihan raya lalu, Dr Mahathir juga turun padang untuk berjumpa pelbagai lapisan masyarakat," katanya dalam sidang akhbar di Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) di sini, hari ini.

Menurutnya, Perdana Menteri juga akan mendapat maklum balas yang lebih tepat mengenai perkembangan politik semasa.

Di samping itu, Dr Mahathir dapat menerangkan mengenai dasar perjuangan parti yang sengaja diserongkan atau dikelirukan oleh parti pembangkang.

"Melalui cara ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula akan mempunyai ruang yang lebih luas untuk mengendalikan kerajaan," katanya.

Mengenai pemimpin muda yang diberi tanggungjawab yang lebih besar, Najib berkata, tindakan itu adalah satu proses pembentukan barisan pemimpin generasi muda dalam parti.

(END)